

# Kesan Sharenting Kepada Kanak-Kanak Dan Implikasinya Terhadap Hak Privasi Kanak-Kanak Di Malaysia

(The Effects Of Sharenting On Children And Its Implications On A Child's Privacy Rights In Malaysia)

AMIRA NUR DIANA AMIR HAMZAH & SAFINAZ MOHD HUSSEIN

## ABSTRAK

Artikel ini meneliti konsep sharenting dan menekankan peranannya dalam pencerobohan hak privasi kanak-kanak. Sharenting merupakan suatu budaya dikalangan ibu bapa yang melibatkan perkongsian maklumat peribadi anak-anak mereka dalam talian secara. Kanak-kanak sememangnya mempunyai hak dan kepentingan ke atas privasi mereka termasuklah daripada budaya sharenting. Hal ini menimbulkan konflik antara hak golongan ibu bapa untuk bersuara di media sosial yang bercanggah dengan hak keselamatan dan privasi anak-anak mereka. Objektif artikel ini adalah untuk melihat faktor budaya sharenting seterusnya mengetengahkan konflik di antara privasi anak dan kebebasan bersuara ibubapa dan melihat samada undang-undang sedia ada di Malaysia boleh melindungi hak privasi kanak-kanak tersebut. Walaupun ibu bapa merupakan penjaga utama seorang kanak-kanak, budaya sharenting dianggap sebagai satu pelanggaran privasi seorang kanak-kanak. Ini menimbulkan satu permasalahan keranaa ibubapa juga mempunyai hak untuk bersuara melalui perkongsian media sosial berkenaan perkara yang secara langsung atau tidak langsung melibatkan anak mereka. Malaysia tidak secara langsung mengiktiraf hak privasi sebagai satu kausa tindakan, oleh yang demikian, adakah undang-undang sedia ada di Malaysia mengiktiraf hak privasi seorang kanak-kanak terhadap pengkongsian maklumat oleh ibubapa mereka? Metodologi yang digunakan adalah kualitatif undang-undang tulen dimana maklumat yang diperolehi dari peruntukan undang-undang dan kes-kes dianalisis untuk mencari kelompongan dan seterusnya cadangan penambahbaikan diberikan. Analisis dibuat ke atas undang-undang yang berkaitan seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta Kanak-kanak (AKK) 2001, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 (AKSTK), Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 dan Kanun Kesiksaan untuk melihat sama ada peruntukan-peruntukan sedia ada di dalam akta-akta ini melindungi kanak-kanak terhadap tindakan sharenting di Malaysia. Kajian mendapati bahawa Malaysia masih tidak mempunyai peruntukan perlindungan privasi buat kanak-kanak yang mencukupi dan mencadangkan pendedahan kepada ibubapa berkenaan dengan bahaya sharenting terhadap anak mereka serta perlindungan privasi dalam undang-undang yang melindungi kanak-kanak di Malaysia.

Kata kunci: sharenting, perkongsian maklumat, hak privasi kanak-kanak, kawalan undang-undang, perlindungan data.

## ABSTRACT

*This article examines the concept of sharenting and emphasizes its role in the encroachment on children's privacy rights. Sharenting is a culture amongst parents that involves sharing their children's personal information online. Children do have rights and interests over their privacy, including sharenting. This creates a conflict between the right of parents to speak out on social media and the rights of security and privacy of their children. The objective of this article is to look at the factors of sharenting and further highlight the conflict between the privacy of children and the freedom of speech of parents and whether the existing laws in Malaysia can protect the privacy rights of such children. Although parents are the primary caregiver of a child, sharenting culture is considered a violation of a child's privacy. This poses a problem because parents also have the right to speak out through social media, sharing matters that directly or indirectly involve their children. Malaysia does not directly recognize the right to privacy as a cause of action, therefore, does the existing laws in Malaysia recognise the privacy rights of a child against the sharing of information by their parents? The methodology used is qualitative, pure law method of reserach where information obtained from legal provisions and cases is analyzed to find gaps and subsequently suggestions for improvement are given. Analysis is made on relevant laws such as the Federal Constitution, Child Act (AKK) 2001, Sexual Offenses Against Children Act 2017 (AKSTK), Communications and Multimedia Act (AKM) 1998 and Penal Code to see whether there are existing provisions in these acts to protect*

*children against sharenting in Malaysia. The study found that Malaysia still does not have adequate provision of privacy protections for children and recommends exposure to parents regarding the dangers of sharenting their children as well as privacy protections in laws protecting children in Malaysia.*

*Keywords: sharenting, information-sharing, children's privacy rights, legal protection, data protection*

## PENGENALAN

Masyarakat kini, termasuk golongan ibu bapa, menggunakan media sosial sebagai medium untuk berkongsi tentang kehidupan masing-masing. Jika dahulu, golongan ibu bapa menjadikan buku-buku tentang penjagaan anak-anak, artikel surat khabar atau rancangan televisyen sebagai medium untuk berkongsi tentang kemajuan anak-anak mereka, kini, ibu bapa di era globalisasi menggunakan media sosial sebagai salah satu medium perkongsian pengalaman serta cabaran mereka membesarkan anak-anak masing-masing.

Jelas sekali bahawa perkongsian di media sosial merupakan sebuah bentuk ekspresi. Hal ini bukanlah suatu yang menyalahi undang-undang kerana ia merupakan suatu hak untuk bersuara. Kebebasan bersuara merupakan hak asasi manusia yang diberikan perlindungan dibawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Salah satu kaedah kebebasan bersuara adalah perkongsian maklumat. Perkongsian maklumat boleh dilakukan dengan pelbagai cara sama ada di dunia nyata melalui medium cetakan seperti surat khabar dan majalah, medium penyiaran

melalui rancangan televisyen dan siaran radio atau secara maya melalui media sosial seperti Facebook, Instagram, YouTube dan sebagainya.

Lewis mengatakan bahawa media sosial merupakan sebuah platform digital yang digunakan untuk berhubung, mencipta dan berkongsi kandungan dengan kenalan serta memproses dan membaharui maklumat (Lewis 2010). Whiting dan Williams di dalam artikel mereka menyatakan bahawa 40% daripada sejumlah 25 responden yang ditemu bual dengan teliti mengaku bahawa mereka menggunakan media sosial untuk berkongsi maklumat manakala 80% daripada daripada responden menggunakan media sosial bagi tujuan mencari maklumat (Whiting & Williams 2013). Sehubungan itu, kemajuan teknologi komunikasi seperti internet dan telefon pintar, akses kepada media sosial menjadi semakin mudah dan pengguna media sosial juga semakin bertambah. Simon Kemp melaporkan bahawa setakat Januari 2020, terdapat 4.54 billion pengguna internet dan 3.80 billion pengguna media sosial yang aktif. Selain

itu, antara faktor lain yang menyumbang kepada peningkatan kepada jumlah pengguna media sosial juga adalah kerana kebanyakan media sosial adalah percuma dan sangat mudah untuk digunakan (Kemp 2017).

Merujuk statistik yang telah dibincangkan diatas, sudah pasti golongan ibu bapa merupakan antara penyumbang kepada jumlah 3.80 billion pengguna media sosial yang aktif. Ini adalah kerana kebanyakan ibu bapa menggunakan media sosial untuk berkongsi tentang pengalaman mereka bersama anak mereka dengan pengikut mereka di media sosial. Perkongsian mengenai aktiviti-aktiviti yang dilakukan anak-anak serta perasaan mereka mengenai pencapaian anak-anak mereka di media sosial seperti Facebook, Instagram dan media sosial yang lain merupakan sebuah trend golongan ibu bapa zaman sekarang.

#### METODOLOGI PENULISAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, kajian undang-undang tulen. Maklumat diperolehi kajian analisis secara sistematik peruntukan dan prinsip-prinsip undang-undang yang melibatkan hak kanak-kanak dan privasi kanak-kanak. Analisis dibuat ke atas undang-undang yang berkaitan seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta Kanak-

kanak (AKK) 2001, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 (AKSTK), Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 dan Kanun Kesiksaan untuk melihat sama ada peruntukan-peruntukan sedia ada di dalam akta-akta ini melindungi kanak-kanak terhadap tindakan *sharenting* di Malaysia. Rujukan juga dibuat ke atas kes-kes mahkamah dan sumber sekunder seperti artikel, jurnal dan buku.

#### KONOTASI TERMA SHARENTING

Terma '*sharenting*' adalah suatu yang baru sahaja dibangkitkan. Ia merupakan kombinasi antara perkataan '*oversharing*' dan '*parenting*' dan telah diperkenalkan pada May 2012 oleh Steven Leckart, seorang penulis di dalam Wall Street Journal. Terma ini telah digunakan untuk menekankan perbuatan ibubapa yang berkongsi maklumat mengenai anak-anak mereka secara berlebihan. Saban hari, semakin banyak golongan ibu bapa yang menggunakan media sosial secara tidak terkawal. Perkongsian maklumat anak-anak mereka dilakukan secara bebas tanpa batasan di media sosial. Perbuatan golongan ibu bapa yang berkongsi maklumat peribadi anak-anak akan mengakibatkan penciptaan cetakan tapak kaki digital (*digital footprint*) anak-anak mereka. Malah sesetengah ibu bapa telah

pun secara tidak langsung mencipta cetakan tapak kaki digital pertama seawal bayi masih berada di dalam perut lagi. Ini boleh berlaku dengan perkongsian gambar para ibu ketika mengandung, gambar sonogram. Hal ini menimbulkan isu hak privasi bayi tersebut. Pilihan untuk meninggalkan cetakan jari digital pertama bukanlah terletak pada ibu bapa tetapi sepatutnya diberikan kepada anak-anak apabila mereka sudah bersedia.

Golongan ibu bapa yang melakukan perkongsian mengenai anak-anak mereka di media sosial secara berlebihan akan mendedahkan anak-anak kepada pelbagai ancaman merbahaya yang terdapat di alam maya. Menurut Steinberg di dalam kajiannya, beliau mengatakan bahawa kanak-kanak mempunyai kepentingan dalam hak privasi mereka. Namun begitu, hak ibu bapa untuk mengawal cara mereka membesarkan anak-anak masing-masing serta hak mereka untuk berkongsi di media sosial yakni hak untuk bersuara akan menindas kepentingan hak privasi anak-anak. Hal ini berlaku apabila ibu bapa berkongsi maklumat berkenaan anak-anak mereka di media sosial tanpa memperolehi kebenaran anak-anak mereka terlebih dahulu (Steinberg 2016). Anak-anak mungkin tidak akan bersetuju dengan perkara yang dimuat naik oleh ibu bapa mereka di internet sama ada maklumat yang

positif mahupun negatif kerana segala yang dimuat naik ke internet akan kekal selamanya (Anis Shuhaiza & Nor Azlina 2019).

Anak-anak merupakan anugerah dan amanah yang diberikan Tuhan kepada golongan ibu bapa. Ibu bapa bertanggungjawab ke atas setiap aspek kehidupan anak-anak masing-masing sehinggalah mereka sudah cukup dewasa untuk menjaga diri mereka sendiri. Aspek keselamatan merupakan suatu yang penting dan perlu diambil berat kedua ibu bapa termasuklah keselamatan anak-anak di alam maya. Namun begitu, ibu bapa yang sepatutnya menjadi pemantau serta memberi didikan awal kepada anak-anak mengenai keselamatan siber, kini menjadi antara faktor ancaman keselamatan kanak-kanak di internet.

Sebuah kertas diskusi yang dilakukan pada tahun 2017 yang telah dipetik oleh Anis Suhaiza Md. Salleh dan Nor Azlina Mohd. Noor menyatakan bahawa ibu bapa seharusnya peka akan risiko yang wujud dari aspek keselamatan dan kerahsiaan, serta privasi yang datang bersama perbuatan mereka berkongsi maklumat tentang anak-anak secara berlebihan di internet. Kanak-kanak merupakan ahli sesebuah keluarga dan komuniti dan bukanlah komoditi kepunyaan ibu bapa atau dikategorikan

sebagai “*a helpless object of charity semata-mata*”. Justeru, mereka perlu diberikan perlindungan privasi yang lebih besar dan berbeza daripada orang dewasa kerana keupayaan mereka yang terbatas dari segi mental dan fizikal untuk menepis, menghalang atau membaiki sebarang kerosakan atau kemudaratan yang menimpa dirinya. Selain itu, hak lain yang digariskan oleh UN Convention on the Rights of the Child (UNCRC) untuk seorang kanak-kanak termasuklah hak memberikan pendapat, dipelihara identitinya, perlindungan undang-undang terhadap sebarang gangguan atau serangan, perlindungan terhadap eksploitasi seks dan bentuk eksploitasi lain (Anis Shuhaiza & Nor Azlina 2019).

#### FAKTOR BERLAKUNYA FENOMENA SHARENTING

Ibu bapa merupakan penyumbang kepada *sharenting*. Oleh kerana ibu bapa jugalah terma *sharenting* ini wujud. Terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan wujud fenomena ini. Pertama, *sharenting* berlaku kerana ia disokong oleh kemajuan teknologi komunikasi dan multimedia. Seterusnya, ia berlaku kerana golongan ibu bapa mencari sokongan untuk melalui hidup sebagai ibu bapa di media sosial dan ketiga, fenomena ini berlaku kerana ibu

bapa mendapat kepuasan apabila perkongsian mengenai anak-anak mereka mendapat perhatian dari pengikut-pengikut di media sosial.

Media digital dan kemajuan teknologi mudah alih seperti telefon bimbit dan computer riba yang boleh digunakan untuk mengakses internet telah mengubah landskap penggunaan media kebanyakan keluarga (Clark 2011). Golongan ibu bapa telah mengakses laman-laman sesawang, forum diskusi dalam talian dan blog-blog untuk mencari maklumat dan sokongan semenjak dari awal pembangunan jaringan sejagat atau lebih dikenali sebagai World Wide Web (WWW) lagi (Lupton, Pedersen, & Thomas, 2016). Menurut Lupton juga, pada abad ini, kemajuan media mudah alih seperti telefon pintar dan computer tablet dan internet jalur lebar atau wireless fidelity (Wi-Fi) telah membolehkan ibu bapa untuk mengakses laman-laman sesawang tidak kira di mana mereka berada. Mereka boleh menggunakan media sosial sebagai platform untuk mendapatkan maklumat dan sokongan serta bertukar-tukar butir-butir pengalaman mereka bersama ibu bapa lain (Lupton 2016).

Seterusnya, faktor yang menyumbang kepada fenomena *sharenting* adalah apabila golongan ibu bapa merasakan bahawa media sosial merupakan sumber sokongan buat mereka menghadapi

kehidupan sebagai ibu bapa. Golongan ibu bapa bergantung kepada media sosial untuk mendapatkan sokongan emosi daripada rakan-rakan dan ahli keluarga. Sokongan emosi adalah kepercayaan subjektif bahawa seseorang mempunyai rangkaian sosial yang peduli dan tersedia, dan lebih banyak dikaitkan dengan kesihatan mental dan kesejahteraan daripada bentuk sokongan sosial yang lain. Penulis mendapati bahawa sokongan sosial boleh menghalang dan mengurangkan tekanan dan individu dengan rangkaian sosial yang memberi sokongan moral akan menghadapi musibah dengan daya tahan yang lebih tinggi apabila mereka berhadapan dengan situasi tersebut (Taylor, Conger, Robins & Widaman 2015). Terdapat ibu bapa yang menggunakan media sosial sebagai sebuah medium untuk mendapatkan sokongan daripada ibu bapa lain. Seperti contoh, ibu bapa yang mempunyai anak-anak berpenyakit atau berkeperluan khas akan bergantung kepada media sosial untuk mendapatkan sokongan. Di dalam sebuah kajian, 1 daripada 6 kanak-kanak di Amerika Syarikat akan didiagnos dengan keperluan istimewa (Boyle et al. 2011). Antara kecacatan tersebut adalah gangguan ucapan dan Bahasa, autisme, cerebral palsy, atau gangguan defisit perhatian. Kos ekonomi boleh menjadi sangat mencabar buat ibu bapa yang mempunyai anak-anak

yang mempunyai kecacatan. Emosi ibu bapa juga boleh terganggu kerana membesarkan kanak-kanak dengan keperluan khas memerlukan lebih banyak usaha dan sumber daya daripada menjaga kanak-kanak dengan keperluan yang biasa. Oleh itu, tidak hairanlah jika ibu bapa kepada kanak-kanak dengan keperluan khusus semakin banyak menggunakan Internet untuk mendapatkan sokongan sosial (Ammari, Morris & Schoenebeck 2014).

Dalam sebuah kajian yang lain, didapati bahawa Facebook, telah menjadi sebagai satu bentuk media sosial, digunakan oleh ibu bapa kanak-kanak yang menghidap kanser untuk berkongsi pelbagai jenis maklumat mengenai perjalanan hidup mereka menjaga anak-anak mereka yang menghidap kanser. Facebook boleh berfungsi sebagai cara komunikasi yang berkesan, penyebaran maklumat, dan sokongan sosial di kalangan ibu bapa (LaValley, Gage-Bouchard, Mollica, & Beaupin, 2015). Ibu bapa yang menggunakan Facebook merasakan keintiman dan keakraban yang tinggi dengan ibu bapa yang lain. Sokongan itu boleh didapati walaupun jarak antara mereka adalah jauh (DeHoff, Staten, Rodgers, & Denne, 2016). Para wanita yang baru sahaja menjadi ibu juga turut memilih media sosial sebagai sumber sokongan

terutama mengenai cara penjagaan bayi. Para ibu menggunakan media sosial sebagai sebuah mekanisme penyesuaian diri bagi membantu mereka untuk mengekalkan hubungan sosial, mengurus stress keibubapaan dan mendapatkan maklumat tentang khidmat serta barang keperluan yang relevan (Pettigrew, Archer, & Harrigan 2016). Menurut Moon pula, para ibu melaporkan bahawa mereka sering mempunyai banyak soalan tentang bayi mereka setiap hari, terutama ketika mereka baru sahaja menjadi seorang ibu. Wanita-wanita yang baru sahaja menjadi ibu ini sangat menghargai bahawa terdapat maklumat yang tidak terhad di hujung jari mereka. Para ibu sangat menghargai bahawa Internet, termasuk media sosial, boleh digunakan sebagai sumber untuk mencari dan mengumpulkan maklumat mengenai cara membesarkan bayi mereka (Moon 2019).

Faktor ketiga berlakunya fenomena sharenting ini adalah kerana ibu bapa mendapat kepuasan apabila perkongsian mengenai anak-anak mereka mendapat perhatian dari pengikut-pengikut mereka di media sosial. Apabila ibu bapa berkongsi di media sosial seperti Facebook mengenai kehidupan anak-anak mereka, mereka berupaya untuk berhubung dengan ahli-ahli keluarga dan rakan-rakan dan seringkali mendapatkan maklumbalas positif seperti

‘like’, ‘share’ atau komen yang memberangsangkan yang menyebabkan mereka berasa bahawa kandungan yang dimuatnaik oleh mereka disukai dan secara tidak langsung memberi galakan kepada ibu bapa untuk terus memuatnaik maklumat peribadi di media sosial. Afdal dan Febrina telah mendapati bahawa antara motif ibu bapa berkongsi maklumat mengenai anak-anak mereka di media sosial adalah kepuasan. Mereka mendapati bahawa seorang selebriti terkenal Indonesia, Siti Sri Melati, merasakan perbuatan memuat naik gambar anaknya di laman media sosial sebagai sebuah bentuk kebanggaan dan kesyukuran. Penulis juga telah meneliti bahawa terdapat tiga kategori ibu bapa yang memuat naik maklumat berkenaan anak-anak mereka ke laman media sosial Instagram berdasarkan motif yang lebih kurang sama iaitu jenis ibu bapa ‘Wujud’ (*The ‘Exist’ Parent Type*), ibu bapa berkongsi (*The Sharing Parents Type*) dan ibu bapa ‘Memori’ (*The ‘Memories’ Parent Type*) (Putra & Febrina 2018).

Jenis ibu bapa dari kategori pertama adalah kategori yang sangat aktif di Instagram kerana mereka menggunakan hampir kesemua ciri-ciri khas yang wujud di Instagram seperti Stories, Insta Live, Hashtag dan sebagainya untuk berkongsi aktiviti-aktiviti semasa anak-anak mereka dan melakukannya secara agresif. Ibu bapa

dalam kategori pertama ini akan memastikan gambar-gambar yang dimuatnaik adalah menarik diiringi dengan keterangan (caption) yang menarik. Ibu bapa kategori ‘Wujud’ sangat teruja jika apa yang mereka muatnaik di media sosial mendapat tindak balas yang positif dari pengikut-pengikut mereka. Jenis ibu bapa yang seterusnya iaitulah ibu bapa berkongsi (*The Sharing Parents Type*). Ciri-ciri ibu bapa dari kategori ini lebih kurang sama dengan ciri-ciri kategori ibu bapa ‘Wujud’. Mereka berkongsi bagi menyenangkan hati ahli keluarga dan rakan-rakan yang tinggal jauh supaya mereka dapat melihat perkembangan anak-anak masing-masing. Akhir sekali, kategori ibu bapa ‘Memori’ (*The ‘Memories’ Parent Type*). Menurut ibu bapa dari kategori ini, memuatnaik gambar anak-anak mereka seolah-olah seperti suatu kewajipan yang perlu dituruti. Bagi mereka, setiap gambar yang dimuatnaik adalah memori yang sangat bernilai. Salah seorang responden dari kajian yang dilakukan penulis telah mengakui bahawa dia memuatnaik gambar anak-anaknya supaya mereka boleh mengimbau kembali kenangan sewaktu kecil terutama kenangan bersama ahli-ahli keluarga yang lain. Responden ini berkata bahawa dia tidak mahu anak-anaknya melalui nasib yang sama dengannya kerana dia tidak mempunyai gambar-gambar

sewaktu kecil dan tidak boleh untuk melihat kembali memori-memori sewaktu kecil (Putra & Febrina 2018).

#### PENCIPTAAN JEJAK DIGITAL ANAK HASIL BUDAYA SHARENTING

Perkara ini perlu dibincangkan secara ringkas supaya pembaca mendapat idea tentang implikasi perbuatan ibu bapa berkongsi maklumat mengenai anak-anak mereka di media sosial terhadap anak-anak. Hal ini kerana bukan semua jejak digital yang ditinggalkan akan meninggalkan kesan yang positif (Eke, 2012). Jejak digital mewakili kewujudan seseorang individu dan segala aktiviti-aktiviti yang mereka lakukan di internet (Blue, Condell, & Lunney 2018). Ia merujuk kepada data dan maklumat yang dihasilkan oleh pengguna, melalui tindakan secara sukarela dan sedar mahupun rakaman secara pasif, apabila mereka berada dalam talian (Thatcher 2014). Jejak digital bukan hanya hasil daripada penyertaan aktif melalui pengeluaran dan perkongsian kandungan, tetapi ia juga boleh dihasilkan melalui "penyertaan pasif" (Lutz & Hoffman, 2017). Ini termasuk penyertaan penglibatan rendah, data yang dihasilkan secara algoritma dan maklumat yang disediakan oleh pengguna lain (A. E. Marwick & Boyd, 2014). Platform media sosial menyediakan pelbagai kemudahan tindakan pengguna yang mudah, seperti



menyukai (liking), mengikuti (following), atau mengulas (commenting), yang tidak semestinya dianggap penyertaan aktif, tetapi tetap boleh menyumbang kepada penciptaan jejak digital. Selain itu, pengguna internet juga boleh “menyertai” sesuatu aktiviti tanpa pengetahuan atau kebenaran mereka (Casemajor, Coutoure, Delfin, Goerzen, & Delfanti 2015). Contohnya, penandaan (tagging), pengesahan (endorsements), penilaian (ratings) dan ulasan (comments). Jejak digital adalah sebuah aset yang penting kerana data dan maklumat yang terkumpul seperti gambar dan video akan membentuk reputasi dalam talian seseorang individu.

Pada era globalisasi ini, perkongsian yang dilakukan ibu bapa di media sosial merupakan perkara yang sudah menjadi suatu kebiasaan. Brosch menyatakan bahawa ibu bapa seringkali menggunakan laman rangkaian sosial bukan sahaja untuk berkongsi maklumat mengenai kehidupan mereka sendiri malah mereka juga menggunakan medium tersebut untuk berbincang mengenai kehidupan dan maklumat peribadi anak-anak mereka (Brosch 2016). Hal ini boleh menyebabkan penciptaan jejak digital anak. Peninggalan jejak digital boleh berlaku seawal bayi masih di dalam perut ibu lagi. Ini boleh berlaku apabila ibu bapa mereka berkongsi gambar-gambar imbasan pra-

kelahiran ataupun dikenali sebagai sonogram ke internet. Pada tahun 2010, Syarikat keselamatan internet AVG yang melakukan kajian mengenai bilangan ibu-ibu yang memuatnaik gambar-gambar imbasan pra-kelahiran mereka di internet. Kajian berfokuskan ibu-ibu di Malaysia, Amerika Utara (Amerika Syarikat dan Kanada), UK, Perancis, Jerman, Itali dan Sepanyol, Australia, New Zealand dan Jepun, dan mereka mendapati bahawa 23 peratus kanak-kanak telah didapati mempunyai jejak digita; walaupun sebelum dilahirkan kerana ibubapa mereka berkongsi gambar-gambar imbasan pra-kelahiran tersebut (Arakerimath & Gupta 2015).

Perkongsian yang dibuat oleh ibu bapa terutama perkongsian berkenaan maklumat peribadi yang negatif seperti masalah kesihatan, pembelajaran, perlakuan dan perkara yang memalukan mereka. Sebagai contoh, memuat naik gambar anak yang masih kecil dalam keadaan bogel atau berpakaian tidak sempurna atau maklumat tentang penyakit yang dihadapi yang menyebabkan rasa malu dan rendah diri. Begitu juga dengan perkongsian keputusan peperiksaan anak-anak oleh ibu bapa di media sosial, terutamanya bagi mereka yang mendapat keputusan yang kurang memuaskan akan menyebabkan kesan buruk kepada psikologi kanak-kanak. Sharenting boleh

menyebabkan kanak-kanak tersebut terdedah kepada perlakuan buli dan dipersenda oleh rakan-rakan. Dengan berkongsi maklumat-maklumat seperti yang telah disebutkan diatas, ibubapa secara langsung telah memberikan perspektif yang buruk kepada masyarakat terhadap anak-anak mereka dan seterusnya mencacatkan reputasi anak-anak mereka dalam talian (Anis Shuhaiza & Nor Azlina 2019).

Siibak (2019) dalam kajiannya mengatakan bahawa perbuatan ibu bapa menyiar dan mendedahkan maklumat serta butir-butir peribadi anak-anak mereka di media sosial untuk dijadikan tontonan khalayak umum merupakan perbuatan yang dianggap sebagai suatu norma masyarakat. Kebanyakan ibubapa melihat perkara ini sebagai suatu perkongsian yang biasa buat tontonan ahli-ahli keluarga yang tinggal jauh serta perkongsian mengenai pengalaman-pengalaman membesarkan anak-anak, berkongsi kenangan berharga serta mendapatkan sokongan sosial dari rakan-rakan di media sosial berkenaan dilemma keibubapaan. Namun yang demikian, sharenting masih dilihat sebagai suatu yang negatif (Siibak 2019).

## SHARENTING, KESANNYA KEPADA PRIVASI SERTA IMPAKNYA TERHADAP KANAK-KANAK

### Pengenalan

Suatu ketika dahulu, sebelum zaman kewujudan media sosial, kehidupan sesebuah keluarga termasuk kanak-kanak secara umumnya merupakan perkara peribadi yang sulit. Hanya kanak-kanak yang menjadi pelakon, model anak-anak kepada selebriti ataupun mana-mana kanak-kanak yang kisah kehidupannya dipetik di dalam surat khabar dan majalah sahaja yang mendapat publisiti. Di samping itu, gambar-gambar percutian hanya diletakkan serta disimpan didalam album fizikal, dicerita di dalam diari atau melalui panggilan telefon sehinggalah media sosial tercipta dan mengubah cara masyarakat moden berkongsi. Masyarakat kini, termasuk golongan ibu bapa, menggunakan media sosial seperti Facebook, Instagram dan lain-lain sebagai medium untuk berkongsi tentang kehidupan masing-masing seperti hobi dan aktiviti harian termasuklah aktiviti anak-anak mereka. Namun begitu, berkongsi maklumat di media sosial berpotensi untuk mendedahkan pengguna kepada pelbagai kesan negatif terutama kepada kanak-kanak.

Antara isu timbul yang berkait dengan aktiviti sharenti adalah hak privasi anak serta kesan dan risiko akibat pencerobohan hak tersebut kepada keselamatan anak dan kesan kepada psikologi anak. Perkara ini perlu diteliti dan dilihat secara menyeluruh sebelum sebarang cadangan penambahbaikan kepada undang-undang sedia ada atau cadangan untuk mewujudkan sebuah undang-undang khusus untuk mengawalselia budaya sharenting ini dilakukan. Seperti yang telah dibincangkan di atas, faktor amalan sharenting semakin meningkat kerana ibu bapa mendapat kelebihan seperti sokongan sosial dan emosi daripada ahli keluarga, rakan-rakan serta pengikut-pengikut mereka di media sosial, namun perkongsian ini memberikan implikasi terhadap penciptaan jejak digital anak-anak seawal mereka masih didalam perut lagi dan jejak ini berkemungkinan besar akan kekal selama-lamanya di internet. Perkongsian sebegini, jika dilakukan secara kerap dan berterusan ini akan menghasilkan jejak digital yang besar dan seterusnya meninggalkan kesan kepada seseorang individu. Tambahan pula, anak-anak seringkali tidak mempunyai pilihan dan pendapatnya tidak diambil kira terlebih dahulu sebelum maklumat peribadi mereka sendiri dimuatnaik di laman media sosial ibu bapa mereka untuk ditonton dan diakses

khalayak ramai, membentuk identiti atas talian mereka.

Dalam pada itu, kebanyakan ibu bapa tidak menyedari akan risiko-risiko yang datang bersama dengan perbuatan berkongsi maklumat tentang anak-anak mereka di media sosial. Walaupun perkongsian yang dibuat oleh ibu bapa sedikit sebanyak memberi manfaat buat pihak ibu bapa dan kandungan yang dikongsi kelihatan tidak merbahaya seperti gambar atau video yang merakamkan aktiviti anak-anak bermain di taman permainan, perkara ini mungkin akan mendedahkan maklumat tentang bersama siapa serta dimana kanak-kanak itu berada. Maklumat ini akan menjadi suatu yang berharga pada individu yang berniat jahat lebih-lebih lagi jika kandungan tersebut dimuatnaik pada waktu sebenar.

Para pengkaji dari Universiti New York menjumpai bahawa maklumat berbentuk peribadi boleh dikenalpasti (personally identifiable), boleh memberikan risiko kepada kanak-kanak. Identiti seorang kanak-kanak boleh disimpulkan termasuklah nama, lokasi, umur, tarikh lahir dan agamanya hanya dengan menjejaki data media sosial seorang ibubapa (Minkus, Liu, & Ross 2015). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa dengan perkongsian maklumat yang dilakukan oleh ibu bapa di media sosial,

anak-anak akan berpotensi menanggung kesan daripada pelbagai aspek termasuk privasi, keselamatan diri serta gangguan kepada psikologi mereka.

### DEFINISI PRIVASI

Pelbagai usaha untuk mendefinisikan privasi telah dilakukan. Malah, ianya telah diberikan definisi seawal tahun 1890 lagi dan ini boleh dibuktikan dengan kewujudan hasil penulisan Louis Brandeis dan Samuel D. Warren dalam ‘The Right to Privacy’. Penulis ada menyebutkan bahawa privasi adalah sebuah hak untuk bersendirian (Warren & Brandeis, 1890). Solove juga bersetuju dengan pendapat penulis dalam ‘The Right to Privacy’ mengenai takrifan privasi sebagai hak untuk bersendirian dan mengambil kira idea penulis tersebut dalam pendefinisian privasi yang dilakukannya. Namun begitu, Solove mengambil pendekatan yang sedikit berbeza iaitu dengan memecahkan privasi kepada enam cabang umum iaitu hak untuk bersendirian, akses terhadap orang lain terhadap diri seseorang individu atau hak seseorang individu untuk melindungi diri daripada sebarang pencabulan tidak diingini yang dilakukan oleh orang lain, kerahsiaan perkara-perkara tertentu daripada orang lain, kawalan terhadap maklumat peribadi atau hak seseorang individu untuk

mengendalikan maklumat tentang dirinya sendiri, perlindungan perwatakan, keindividuan dan maruah dan kawalan dan akses yang terhadap orang lain keatas hubungan-hubungan intim serta aspek lain dalam kehidupan seseorang individu. Pendefinisian yang telah dilakukan Solove merupakan antara pendefinisian yang agak teliti memandangkan ia mengambil kira setiap aspek kehidupan seseorang individu. Ia boleh diaplikasikan dalam melindungi privasi di dunia sebenar serta di alam maya seperti media sosial (Solove 2002).

Kebanyakan pendefinisian privasi yang dilakukan dalam penulisan terkini mengenai perkara berkenaan adalah lebih ringkas dan padat. Dalam sebuah kertas kerja yang telah dibentangkan di IEEE International Conference on Big Data (Big Data), pendefinisian privasi telah dibuat dengan agak ringkas dan mudah difahami iaitu, privasi merupakan hak individu untuk mengawal aliran maklumat, sama ada tersirat atau eksplisit, tentang diri seseorang. Seseorang individu berkemungkinan akan membenarkan penggunaan data peribadi mereka untuk tujuan tertentu secara sementara. Sebarang penggunaan data peribadi individu tersebut dalam tempoh masa yang dibenarkannya, jika digunakan selain daripada tujuan yang sepatutnya, boleh dikira sebagai sebuah pelanggaran privasi (Mahmood, 2019).

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa privasi merupakan hak individu untuk mengawal segala perkara yang berkaitan dengannya dan individu tersebut mempunyai hak untuk melindunginya dan kuasa untuk menetapkan had sejauh mana perkara yang berkaitan dengannya boleh dicapai masyarakat.

#### HAK PRIVASI KANAK-KANAK ADALAH HAK YANG DIKTIRAF

Seterusnya, setelah melihat konsep privasi secara umum, perbincangan spesifik mengenai hak privasi kanak-kanak juga perlu dilakukan. Perlindungan data peribadi merupakan sebuah hak seseorang termasuklah kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, hak kanak-kanak kepada privasi merupakan sebuah hak yang dikenali di peringkat antarabangsa dan perlu dilindungi. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan kewujudan peruntukan mengenainya didalam triti antarabangsa seperti Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Hak Kanak-kanak (United Nations Convention on the Rights of the Child atau UNCRC) yang telah diratifikasi oleh Malaysia pada tahun 1995. Undang-undang ini telah diperbadankan dan dikuatkuasa melalui Akta Kanak-kanak 2001.

UNCRC telah menyenaraikan pelbagai hak untuk setiap kanak-kanak yang perlu dipatuhi setiap negara pihak seperti hak untuk terus hidup; untuk berkembang dengan sepenuhnya; perlindungan daripada keganasan, penderaan dan eksploitasi; dan banyak lagi termasuklah hak kanak-kanak untuk privasi. Perkara 16 konvensyen antarabangsa ini secara ringkas telah memperuntukkan bahawa undang-undang sepatutnya melindungi kehidupan peribadi kanak-kanak termasuk kehidupan mereka di rumah ketika bersama keluarga serta melindungi mereka daripada serangan tidak sah yang boleh merosakkan maruah dan reputasi mereka. Ini bermakna tiada sebarang gangguan privasi boleh dilakukan sewenang-wenangnya terhadap kanak-kanak termasuklah ibu bapa mereka.

#### PERCANGGAHAN ANTARA HAK IBU BAPA DENGAN HAK ANAK-ANAK

Antara salah satu sebab sharenting menjadi sebuah trend adalah kerana ibu bapa tidak menyedari bahawa anak-anak mereka juga mempunyai hak keatas maklumat yang dikongsikan di mana-mana medium berkaitan dengan diri mereka. Perbuatan sharenting merupakan suatu perbuatan yang menimbulkan percanggahan antara hak ibu bapa dengan hak anak-anak. Hak

yang dimaksudkan adalah hak ibu bapa untuk bebas mengekspresikan perasaan mereka serta berkongsi maklumat kepada orang lain serta cara untuk menjaga anak-anak mereka sebagaimana yang mereka mahu dengan hak anak-anak kepada perlindungan privasi maklumat. Hal ini terjadi demikian kerana, ibu bapa seringkali melakukan perkongsian maklumat seperti gambar-gambar dan video anak-anak mereka yang bertujuan untuk mempamerkan kasih sayang kepada umum tanpa mendapatkan kebenaran anak-anak mereka terlebih dahulu sedangkan perkongsian melalui media sosial merupakan sejenis pendedahan maklumat kepada awam, yang boleh diakses oleh sesiapa sahaja, tidak kira masa dan di mana jua. Marasli et. Al, mengakui bahawa ibu bapa sememangnya melakukan perkongsian dalam talian mengenai anak mereka dan seringkali ia dilakukan tanpa izin anak-anak mereka terlebih dahulu (2016). Kanak-kanak sememangnya tidak mempunyai kuasa untuk mengawal apa yang ibu bapa mereka kongsi mengenai mereka di media sosial tetapi ini tidak bermakna kanak-kanak tidak sedar akan perbuatan sharenting (Gligorijević 2019). Benar, Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan memberikan kebebasan bersuara dan ekspresi kepada setiap individu dengan beberapa batasan. Namun

begitu, apakah implikasi peruntukan ini jika hak ini bercanggah dengan hak individu yang lain seperti privasi kanak-kanak?

Selain Perkara 16 UNCRC, yang melindungi kanak-kanak dari sebarang pencerobohan kepada privasi dan sebarang serangan kepada maruah dan reputasinya. Perkara 12 dan 13 juga ada memperuntukkan bahawa kanak-kanak mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat mengenai sebarang keputusan yang boleh memberikan impak kepada hidup mereka. Para sarjana dan hakim-hakim turut mengakui bahawa keupayaan membuat keputusan secara autonomi berkembang dari semasa ke semasa dan kanak-kanak sepatutnya diberikan kuasa untuk membuat keputusan seiring dengan perkembangan keupayaan tersebut. Sementara itu, ibu bapa dianggap sebagai individu-individu yang bertanggungjawab melakukan keputusan terbaik bagi menjaga kebajikan anak-anak masing-masing sehinggalah kanak-kanak tersebut telah mencapai umur dimana dia sudah mampu untuk memelihara kepentingannya sendiri (Sorenson 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana setiap individu mempunyai kesedaran keatas privasi termasuklah kanak-kanak (Steinberg 2016). Bahkan, apabila berbicara tentang privasi, kajian telah menunjukkan bahawa kanak-kanak menganggap diri mereka

sememangnya mempunyai hak mendapatkan privasi daripada ibu bapa serta rakan-rakan mereka (Livingstone 2018). Malah mereka seringkali merasakan bahawa keizinan mereka tidak bermakna apa-apa kepada ibu dan bapa mereka (Gligorijević, 2019). Terdapat kajian yang mengatakan bahawa permintaan anak-anak yang sudah berumur remaja kepada ibu bapa mereka untuk membuang gambar-gambar mereka yang memalukan pun seringkali tidak dilayan (Siibak & Traks 2019).

Menurut Park (2018) salah satu solusi untuk melindungi privasi kanak-kanak adalah dengan penglibatan ibu bapa. Namun yang demikian, ibu bapa juga mungkin akan melampaui batas dengan mencerobohi hak privasi anak-anak mereka sendiri. Malahan Livingstone ada menyebut tentang bagaimana kebimbangan terhadap pencabulan hak privasi kanak-kanak yang dilakukan oleh ibu bapa mereka, telah mendorong para sarjana untuk melakukan kajian mengenai isu ini (Livingstone 2018). Namun begitu, hanya terdapat sedikit sahaja perbincangan mengenai privasi kanak-kanak di rumah yakni privasi daripada kedua ibu bapa mereka (A. Marwick, Diaz, & Palfrey 2010). Bagi sesetengah individu yang telah dewasa, rumah merupakan antara tempat yang

selamat dimana privasi terjaga dengan lebih baik berbanding apabila berada di luar.

Namun yang demikian, keadaan ini berbeza dengan kanak-kanak. Walaupun mereka berada di dalam jagaan dan pengawasan ibu bapa mereka di rumah, ia tidak menjamin keselamatan kanak-kanak tersebut sepenuhnya. Ibu bapa dianggap sebagai pelindung yang diamanahkan untuk menjaga anak-anak termasuklah segala maklumat sulit mengenai anak-anak mereka. Malang sekali buat sesetengah anak-anak, ibu bapa mereka sendiri yang membawa bahaya kepada anak-anak masing-masing dengan perbuatan sharenting. Perbuatan ini juga boleh mendatangkan kesan kepada anak-anak di masa hadapan. Hal ini berkait rapat dengan peninggalan jejak digital kanak-kanak di alam maya, perkongsian yang dilakukan ibu bapa di media sosial secara tidak langsung akan menyumbang kepada pembentukan identiti digital kanak-kanak tersebut dan mendatangkan kesan buruk kepada kanak-kanak tersebut seperti ancaman kepada keselamatan kanak-kanak dan gangguan kepada psikologi mereka. Tambahan pula, kanak-kanak merupakan golongan yang lemah dan mudah terdedah kepada bahaya internet. Walaupun begitu, ia merupakan suatu yang tidak wajar jika ibu bapa tidak dibenarkan langsung untuk berkongsi apa-apa mengenai anak-anak

mereka kerana bukanlah semua perkara yang dikongsikan, mencero bohi hak privasi anak-anak. Pada suatu tahap tertentu, ibu bapa mempunyai hak untuk melindungi dan membentuk cara hidup anak-anak mereka, walaupun dengan cara yang tidak disukai oleh anak mereka. Secara tuntas, ibu bapa boleh berkongsi mengenai anak-anak mereka secara sederhana, dengan mengelakkan daripada mencipta imej, personaliti atau reputasi buat anak-anak mereka seperti pengumuman kelahiran anak atau gambar formal keluarga yang boleh menjemput orang luar untuk menjenguk masuk kedalam kehidupan peribadi kanak-kanak tersebut.

#### SHARENTING MENGGUGAT KESELAMATAN ANAK-ANAK

Budaya sharenting boleh mengancam keselamatan anak-anak dari pelbagai sudut (Anis Shuhaiza & Nor Azlina 2019). Anak-anak boleh terdedah kepada beberapa jenis bahaya seperti kecurian identiti, pemangsa seksual kanak-kanak atau jenayah pedofilia dan kes buli. Ini adalah kerana apabila ibubapa berkongsi sesuatu maklumat mengenai anak-anak mereka di media sosial, mereka bukan sahaja berkongsi perkara tersebut dengan “rakan-rakan” mereka di dunia sebenar malah mereka juga berkongsi maklumat ini dengan pengguna-

pengguna lain yang bukan dalam kalangan rakan-rakan mereka (Minkus et al. 2015). Minus juga mendapati bahawa, apabila ibu bapa berkongsi maklumat mengenai anak-anak mereka secara umum di media sosial, mereka membenarkan orang-orang asing yang tak dikenali untuk mempelajari fakta-fakta penting mengenai anak-anak mereka seperti wajah kanak-kanak tersebut, namanya serta tarikh lahirnya (Minkus et al. 2015).

Antara bahaya yang mungkin ibu bapa benarkan tanpa mereka sedari terhadap anak-anak mereka adalah penculikan digital. Penculikan digital merupakan sebuah fenomena baharu dimana orang-orang tidak dikenali mencuri gambar-gambar bayi dan memuatnaik kembali gambar-gambar tersebut di serata media sosial seolah-olah bayi didalam gambar tersebut merupakan anak mereka sendiri dengan nama dan cerita yang baharu (O’Neill 2015). Siibak telah melihat kepada sebuah kajian yang dilakukan Traks mengenai penggunaan internet ibu-ibu di Estonia, telah didapati bahawa penculikan digital sememangnya sebuah ancaman yang benar-benar berlaku kerana terdapat ibu-ibu yang telah melaluinya. Terdapat keadaan dimana seorang ibu mendapati gambar-gambar anak-anak mereka telah dicuri dari blog dan dimuatnaik ke laman sesawang temu janji dalam talian. Laman tersebut



malah menyatakan bahawa kanak-kanak tersebut boleh dibeli sebagai hamba seks. Dalam keadaan yang lain pula, ibu-ibu yang ditemu bual menceritakan bahawa terdapat individu yang tidak dikenali mencuri dan memuatnaik gambar-gambar anak mereka di serata Facebook dengan mengakui bahawa kanak-kanak tersebut merupakan anak mereka yang sangat sakit dan memerlukan rawatan, dengan harapan untuk meraih simpati daripada warga Facebook bagi mendapatkan sumbangan untuk “merawat” kanak-kanak tersebut (Siibak 2019).

Selain penculikan digital, kanak-kanak juga boleh terdedah dengan ancaman jenayah seksual atau pedofilia. Individu pedofilia yang tidak berkeperimanusiaan seringkali melihat gambar kanak-kanak yang dikongsi oleh ibu bapa di media sosial dan blog-blog dengan kaca mata yang berbeza. Gambar yang mungkin kelihatan biasa oleh orang lain akan dilihat secara tidak sepatutnya oleh seorang pedofilia. Selain mencuri gambar-gambar kanak-kanak dari media sosial dan blog-blog, antara kerisauan yang timbul berikutan kemajuan teknologi dan program penyuntingan gambar, adalah dimana pedofilia mencuri gambar kanak-kanak dan menggubahnya. Gubahan disini bermaksud, gambar kanak-kanak tersebut disunting dimana wajahnya diletakkan pada

badan orang dewasa (Steinberg, 2018). Tambahan pula, Pesuruhjaya eKeselamatan Kanak-Kanak Australia (Australian Children’s eSafety Commissioner) mendapati bahawa 50% gambar-gambar yang dijumpai disebuah laman perkongsian pedofilia, sekurang-kurangnya 45 juta gambar tersebut berasal dari media sosial dan blog-blog keluarga di internet (Battersby 2015). Kanak-kanak mungkin tidak akan mengalami apa-apa kecederaan secara fizikal hasil penciptaan gambar-gambar tersebut namun, ia akan memberi kesan kepada mereka jika gambar-gambar ini tersebar di internet.

Apabila berbincang mengenai penyebaran gambar atau video di internet, ini membawa kepada ancaman bahaya yang ketiga iaitu kes buli. Kanak-kanak boleh dibuli hasil daripada penyebaran maklumat yang memalukan di internet yang dilakukan oleh ibu bapa (Moser, Chen, & Schoenebeck, 2017). Feinberg & Robey berpendapat bahawa buli siber boleh terjadi di media sosial hanya dengan pengemaskinian status (Feinberg & Robey, 2009). Ini menunjukkan bahawa sebuah perbuatan yang kelihatan biasa mampu memberikan impak yang besar kepada seseorang. Sebuah kajian mendapati bahawa buli bukan sahaja memberi kesan kepada psikologi seperti kurang keyakinan diri, ketakutan, depresi dan sebagainya,

malah buli juga boleh mendatangkan kecederaan fizikal (Hoff & Mitchell 2009).

#### PSIKOLOGI ANAK BOLEH TERGANGGU AKIBAT SHARENTING

Psikologi kanak-kanak boleh terkesan akibat sharenting. Data zaman kanak-kanak yang dikongsikan oleh ibu bapa di media sosial berkemungkinan untuk kekal di dalam algoritma carian Google selama bertahun-tahun dan mungkin akan muncul kembali dalam keadaan yang memalukan (Steinberg 2016). Ini membuktikan bahawa sharenting mampu memberikan impak yang negatif kepada keyakinan kanak-kanak hasil daripada reaksi negatif yang diterima dari pengguna internet lain pada kandungan yang telah dikongsikan oleh ibu bapa mereka (Kopecky, Szotkowski, Aznar-Díaz, Romero-Rodríguez, & Review 2020).

Apabila kanak-kanak meningkat remaja, mereka akan cenderung untuk mempamerkan perkara yang akan diterima oleh rakan-rakan sebaya mereka sahaja, namun perkongsian maklumat yang dilakukan oleh ibu bapa akan mengganggu proses perkembangan anak-anak. Hal ini boleh berlaku apabila seorang kanak-kanak itu sudah bersedia untuk mencipta identiti dalam talian, mereka akan dapati bahawa identiti mereka telah lama wujud dalam

talian hasil daripada gambar-gambar, video serta komentar-komentar yang dibuat oleh ibu bapa mereka dan rakan-rakan mereka di media sosial. (A. E. Marwick & Boyd, 2014). Kesannya adalah, keyakinan dan harga diri kanak-kanak ini akan terkesan oleh ulasan negatif yang ditinggalkan di ruangan komentar (Marasli et al. 2016). Kemungkinan anak-anak ini akan dibuli (Jones 2013) hasil dari perbuatan sharenting, dan turut akan menyumbang kepada gangguan psikologi anak-anak.

Seterusnya, perkongsian yang dibuat oleh ibu bapa mereka mengandungi maklumat peribadi yang negatif seperti masalah kesihatan, keputusan peperiksaan yang tidak memuaskan atau perkara-perkara lain yang memalukan seperti gambar anak kecil yang tidak berpakaian dengan sempurna (Anis Shuhaiza & Nor Azlina, 2019). Ini mungkin akan memberikan kesan psikologi kepada kanak-kanak apabila mereka mencecah umur dewasa bila mana masa depan dan kerjaya anak-anak hancur disebabkan olehnya. Buktinya, kes dimana individu-individu kehilangan pekerjaan ataupun disingkirkan dari program-program pengajian tinggi akibat dari kandungan-kandungan mengenai individu-individu tersebut yang dijumpai di media sosial (Cooper 2015).

Kesimpulannya, jelas bahawa kanak-kanak sememangnya mempunyai hak untuk privasi dan kebanyakan ibu bapa tidak menyedari bahawa perkongsian maklumat mengenai anak-anak yang dilakukan oleh mereka itu merupakan suatu pelanggaran kepada hak tersebut. Merujuk kepada beberapa pendefinisian privasi yang telah disenaraikan, perbuatan sharenting sememangnya mencerooboh hak kanak-kanak untuk mengawal segala perkara yang berkaitan dengannya dan haknya untuk melindunginya maklumat tersebut serta kuasanya untuk menetapkan had sejauh mana perkara yang berkaitan dengannya boleh dicapai masyarakat. Pencerobohan privasi yang dilakukan oleh ibu bapa ini juga akan memberikan kesan kepada keselamatan diri serta gangguan kepada psikologi anak-anak.

#### SHARENTING DAN UNDANG-UNDANG SEDIA ADA DI MALAYSIA: PERMASALAHAN DAN DAPATAN

Bahagian ini akan melihat sama ada undang-undang sedia ada di Malaysia melindungi privasi maklumat kanak-kanak serta memberi perlindungan daripada kesan-kesan yang boleh dialami akibat sharenting. Undang-undang yang akan dilihat adalah Perlembagaan Persekutuan,

Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 serta Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Adakah pengawalan undang-undang sedia ada ini mencukupi bagi perlindungan privasi kanak-kanak dari penggunaan dan perkongsian data dan maklumat yang dilakukan individu lain selain diri mereka sendiri dan dikongsi kepada orang ramai tanpa izin mereka?

#### PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan pelbagai hak asasi dan perlindungan kepada rakyatnya di dalam Perkara 5 hingga 13, namun, ia tidak mempunyai sebarang peruntukkan khusus mengenai hak kepada perlindungan privasi. Walaupun hak kepada perlindungan privasi dikenali sebagai suatu hak asasi manusia dibawah Perkara 12 Perisytiharan Hak Manusia Sejagat, namun, pendirian Malaysia adalah peruntukan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat mestilah ia selaras dengan Perlembagaan Persekutuan kerana undang-undang antarabangsa tidak boleh mengatasi perlembagaan negara-negara berdaulat (Faruqi, 2009). Tambahan pula, menurut Tun Arifin Zakaria, hak asasi manusia merupakan ideologi Barat (Tun

Arifin Zakaria, 2016), yang tidak semuanya sehaluan dengan nilai-nilai ketimuran yang diamalkan di Malaysia. Walaubagaimanapun, jika dilihat dari sudut Islam, al-Quran, Surah ke-24, ayat 27 hingga 30, menuntut agar manusia menghormati privasi satu sama lain. Hal ini menolak pendapat bahawa hak asasi manusia adalah ‘norma Barat’ dan hak kepada perlindungan privasi sesuai untuk diamalkan di dalam konteks Malaysia yang mengamalkan pelbagai agama.

Perlindungan privasi boleh disandarkan pada Perkara 5(1) yang memperuntukkan bahawa, “Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.” Frasa ‘nyawa’ dan ‘kebebasan diri’ telah diolah dengan meluas melalui kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah-mahkamah Malaysia untuk merangkumi pelbagai aspek kebebasan diri termasuklah privasi. Hal ini boleh dibuktikan daripada keputusan kes *Sivarasa Rasiah v. Badan Peguam Malaysia & Anor* (2010) 3 CLJ 507, dimana Mahkamah telah menunjukkan bahawa kebebasan diri yang diperuntukkan Perkara 5(1) termasuk hak untuk privasi. Walau bagaimanapun, hak ini tidak boleh dikuatkuasakan oleh seseorang individu keatas individu persendirian yang lain kerana undang-undang perlembagaan tidak

mengiktiraf perkara tersebut sebagai satu kausa tindakan seperti yang telah diputuskan di dalam kes *Beatrice Fernandez v. Sistem Penerbangan Malaysia & Lain-lain* [2005] 3 MLJ 681. Mahkamah sepatutnya memperluas definisi perlindungan privasi bagi merangkumi perlindungan privasi seseorang individu persendirian daripada sebarang pencerobohan daripada individu persendirian yang lain, tidak kira melalui apa-apa medium sekalipun termasuklah perkongsian maklumat anak-anak ke media sosial tanpa izin yang dilakukan oleh ibu bapa.

Sehubungan itu, perlu dilihat juga bahawa dalam isu sharenting, hak ibu bapa untuk bersuara bercanggah dengan hak anak-anak kepada perlindungan privasi. Kebebasan bercakap dan bersuara telah diperuntukkan dibawah Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Di Malaysia, kawalan penggunaan internet juga termasuk sebagai sebahagian daripada Perkara 10 (Mohd Sani, Ahmad, & Wahid, 2016). Walau bagaimanapun, hak kebebasan bersuara yang dinikmati rakyat Malaysia tidak mutlak kerana ia tertakluk kepada sekatan undang-undang. Klausula yang menyatakan bahawa Parlimen dibenarkan untuk mengenakan sekatan dengan undang-undang mengenai kebebasan bersuara dan ekspresi “yang didapatinya perlu atau suai

manfaat” untuk kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam. Di sini, perkataan “yang didapatinya perlu atau suai manfaat” menunjukkan bahawa Parlimen mempunyai kuasa untuk mengenakan sekatan perundangan dalam hal ini. (Rodkin & Fischer 2012).

Contohnya boleh dilihat di dalam kes *Sivarasa Rasiah v Badan Peguam Malaysia & Anor* (2010) di mana larangan kepada pelajar universiti untuk menyatakan sokongan atau simpati parti politik sebagaimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 15 (5)(a) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 adalah suatu sekatan perundangan yang wajar. Tuntasnya, Parlimen tidak akan sewenang-wenangnya mencipta dan menguatkuasakan undang-undang yang menyekat hak-hak asasi termasuk kebebasan bersuara tanpa alasan. Terdapat lapan alasan dimana sekatan wajar dikenakan terhadap kebebasan bersuara seperti contoh apabila kebebasan tersebut mampu untuk mengancam keselamatan negara atau mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara lain, ketenteraman awam, moral, keistimewaan Parlimen atau mana-mana dewan perundangan, menyebabkan penghinaan terhadap mahkamah, fitnah dan hasutan untuk sebarang kesalahan (Ayub, Yusoff, & Haq, 2020). Tindakan ibu bapa dalam

perkongsian maklumat anak-anak mereka tanpa batasan boleh dibatasi dan dikawal kerana ia berada di dalam ruang lingkup penjagaan moral masyarakat bagi mengelakkan jenayah pedofilia yang jelik dan menjaga ketenteraman awam dengan memastikan keselamatan kanak-kanak terjaga.

#### AKTA KANAK-KANAK 2001

Pertama sekali, apabila bercakap mengenai penjagaan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak, akta ini merupakan akta yang utama yang memperuntukkan undang-undang yang memastikan perlindungan tersebut kepada kanak-kanak. Kerajaan Malaysia tidak memandang enteng hal berkenaan ancaman siber terhadap kanak-kanak termasuk pengantunan kanak-kanak (child grooming) (Anis Shuhaiza & Nor Azlina, 2019). Akta Kanak-kanak 2001 (AKK) merupakan antara undang-undang yang digubal selaras dengan pematuhan Konvensyen terhadap Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Malaysia telah meratifikasi konvensyen tersebut seperti berikut:

"Kerajaan Malaysia menerima peruntukan Konvensyen terhadap Hak Kanak-kanak tetapi menyatakan pengecualian terhadap

berkenaan dengan perkara 1, 2, 7, 13, 14, 15, [...], 28, [perenggan 1 (a)] 37, [...] Konvensyen dan mengisytiharkan bahawa peruntukan-peruntukan tersebut akan diguna pakai hanya jika ia mematuhi Perlembagaan, undang-undang negara dan dasar-dasar kebangsaan Kerajaan Malaysia."

Bagi tujuan perbincangan isu sharenting, penting untuk kita lihat pendefinisian kanak-kanak yang dilakukan dibawah akta ini kerana umur akan menentukan sama ada seseorang individu itu adalah seorang kanak-kanak atau tidak. Penentuan ini adalah penting kerana jika seseorang itu adalah seorang kanak-kanak, terdapat undang-undang khusus yang akan terpakai kepada individu tersebut (Abas, 2012). Menurut Seksyen 2 AKK, kanak-kanak bermaksud seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun. Maknanya, individu yang berumur di bawah lapan belas tahun akan mendapat perlindungan daripada akta ini.

Seterusnya, dengan merujuk kepada kesan sharenting yang boleh menyebabkan gangguan psikologi kepada anak-anak, AKK ada memperuntukkan perlindungan terhadap kesan-kesan tersebut. Seksyen 17(1)(a) AKK menganggap serorang kanak-kanak itu memerlukan perlindungan jika ia telah ataupun mungkin akan merana dengan kecederaan fizikal dan emosi.

Tambahan pula, Seksyen 17(2) menghuraikan mengenai ciri-ciri keadaan dimana kecederaan dari segi mental dan emosi kanak-kanak berlaku. Ia menyebutkan bahawa seorang kanak-kanak itu akan mengalami kecelaruan mental atau tingkah laku, termasuk keresahan, kemurungan, penyendirian, keagresifan atau melalui perkembangan yang lambat. Merujuk kepada Seksyen 17(2)(b) pula, perbuatan ibu bapa atau penjaga yang melayan kanak-kanak secara negatif atau kegagalan mereka untuk menjalankan tanggungjawab juga boleh dikategorikan sebagai penganiayaan emosi. Seperti yang telah dibincangkan di atas, sharenting telah dibuktikan mampu untuk menyebabkan berlakunya perkara-perkara yang telah dihuraikan di dalam Seksyen 17(2) AKK (Abas, 2012). Maka ia boleh terpakai pada isu ini kerana perbuatan sharenting yang dilakukan ibu bapa terlalu tidak terkawal merupakan sebuah penganiayaan emosi lebih-lebih lagi jika perbuatan tersebut berlarutan sehingga menyebabkan gangguan emosi anak-anak.

Tambahan pula, AKK juga memberikan perlindungan privasi kepada kanak-kanak melalui Seksyen 15 AKK. Seksyen ini memperuntukkan bahawa sebarang laporan dan penyiaran media tentang perkara yang berkaitan dengan perlakuan atau perbuatan jenayah kanak-

kanak semasa penyiasatan atau pada peringkat sebelum perbicaraan, perbicaraan atau selepas perbicaraan adalah dilarang. Larangan tersebut menunjukkan bahawa individu-individu tidak boleh sewenang-wenangnya mendedahkan maklumat peribadi kanak-kanak seperti nama, alamat, institusi pendidikan yang dihadapinya atau sebarang maklumat lain yang boleh menyebabkan identiti diri kanak-kanak tersebut boleh dikenal pasti. “Laporan dan penyiaran media” boleh diluaskan lagi definisinya hingga merangkumi penyebaran maklumat peribadi kanak-kanak dalam bentuk perkongsian gambar, video atau pun perkongsian mengenai kanak-kanak dalam bentuk teks melalui media sosial yang boleh menyebabkan identiti seseorang kanak-kanak itu boleh dikenalpasti.

#### AKTA KESALAHAN-KESALAHAN SEKSUAL KANAK-KANAK 2017

Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Kanak-kanak 2017 (AKSTK) juga merupakan sebuah undang-undang yang digubal selaras dengan Konvensyen terhadap Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Akta ini diwujudkan bagi melindungi kanak-kanak dari jenayah seksual terhadap kanak-kanak seperti pornografi, pengantunan kanak-kanak dan

amang seksual kanak-kanak. Seksyen 16 AKSTK juga memberikan perlindungan kepada kanak-kanak daripada kesalahan-kesalahan seksual daripada individu yang mempunyai hubungan dengan kanak-kanak seperti ibu bapa, penjaga dan adik beradik.

Walaupun AKSTK tidak menyebutkan secara eksplisit mengenai perlindungan privasi, Seksyen 3 memperuntukkan bahawa pemakaian akta ini menjangkau sempadan negara. Ini bermakna, jika seseorang yang melakukan kesalahan dibawah akta ini berada di luar negara, dia masih boleh didakwa selagi mana dia merupakan seorang warganegara Malaysia. Peruntukan ini merupakan suatu peruntukan yang mengambil kira kemajuan teknologi internet. Memandangkan sesuatu kesalahan seperti sharenting yang boleh dilakukan melalui aplikasi media sosial yang menggunakan capaian internet, ianya wajar diperuntukkan sebagai suatu kesalahan kerana perbuatan ini boleh menjadikan kanak-kanak mangsa kepada jenayah seksual serius terhadap kanak-kanak.

#### KANUN KESEKSAAN

Kanun Keseksaan juga tidak mengandungi peruntukan mengenai perlindungan privasi. Kanun Keseksaan merupakan sebuah undang-undang yang melindungi semua

individu tidak kira umur, termasuklah kanak-kanak daripada kesalahan jenayah. Terdapat beberapa peruntukan khusus di dalam Kanun Keseksaan yang melindungi kanak-kanak daripada perbuatan jenayah seperti kesalahan kesalahan jualan objek lucuh kepada orang kepada kanak-kanak (Seksyen 293), penculikan kanak-kanak daripada penjaga yang sah (Seksyen 361), mencegah anak daripada dilahirkan atau menyebabkan ia mati selepas lahir (Seksyen 315), infanticide (Seksyen 309A), pendedahan dan pengabaian kanak-kanak di bawah dua belas tahun oleh ibu atau bapa atau penjaganya (Seksyen 317), rogol (Seksyen 375 (g)) dan menghasut kanak-kanak melakukan perbuatan tidak senonoh (Seksyen 377E).

Akta ini jelas memperuntukkan perlindungan terhadap kesalahan jenayah tetapi tidak terhadap pelanggaran privasi ataupun pencerobohan data peribadi. Sesuatu perkongsian maklumat anak-anak yang dilakukan oleh ibu bapa yang boleh menyebabkan berlakunya jenayah seperti penculikan sepatutnya boleh dijadikan suatu kausa tindakan bagi mengenakan tindakan keatas ibu bapa kerana berlaku cuai dalam melakukan tanggungjawab mereka sebagai ibu bapa. Namun, jika suatu peruntukan mengenai sharenting diletakkan didalam kanun keseksaan, ia perlu diteliti dengan sebaik mungkin agar ia tidak pula

menyebabkan ketidakadilan kepada ibu bapa memandangkan mereka juga mempunyai hak untuk bersuara. Peruntukan yang mengawal sharenting dibawah Kanun Keseksaan mungkin boleh dilakukan bagi mendakwa ibu bapa yang terlalu cuai dalam melakukan tanggungjawab mereka untuk berkongsi maklumat peribadi mengenai anak-anak sehingga anak-anak menjadi mangsa kepada kesalahan seksual serta jenayah lain seperti penculikan.

#### AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) merupakan akta yang mengawal media, penyiaran, komunikasi dan multimedia serta perkara yang berkaitan dengannya, termasuklah mesin cetak, filem, berita dan bahan yang disiarkan oleh stesen televisyen, surat khabar dan majalah. Secara umumnya, AKM tidak memberikan perlindungan khusus kepada kanak-kanak. Walaubagaimanapun, ia merangkumi perlindungan pengguna internet daripada penyalahgunaan servis rangkaian.

Seksyen 233 Akta memperuntukkan kesalahan membuat, mencipta, meminta atau memulakan penghantaran komunikasi yang lucuh, tidak senonoh, palsu, berbahaya atau



menyinggung perasaan dengan niat untuk mengganggu, menyalahgunakan, mengugut atau mengganggu orang lain. Seterusnya, Seksyen 233(1)(b) pula merupakan satu kesalahan untuk memulakan komunikasi menggunakan mana-mana perkhidmatan aplikasi, sama ada secara berterusan, berulang kali atau sebaliknya, di mana komunikasi mungkin atau tidak boleh menyenangkan, dengan atau tanpa mendedahkan identitinya dan dengan niat untuk mengganggu, menyalahgunakan, mengugut atau mengganggu mana-mana orang di mana-mana nombor atau alamat elektronik. Satu lagi kesalahan di bawah peruntukan yang sama adalah kesalahan dengan sengaja memberikan apa-apa komunikasi lucah untuk tujuan komersial kepada mana-mana orang; atau membenarkan perkhidmatan rangkaian atau aplikasi perkhidmatan di bawah kawalan orang yang akan digunakan untuk sebarang aktiviti yang ditetapkan. AKM memberikan kuasa kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melalui Seksyen 211 dan 233 bagi menyelia dan mengawal aktiviti komunikasi di Malaysia termasuk memantau kandungan tidak senonoh dan penyalahgunaan kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian. Peranan SKMM termasuklah memastikan tiada penyalahgunaan komunikasi di internet dan

mengambil tindakan sekiranya mereka fikirkan perlu bagi kepentingan negara.

Tuntasnya dapat dilihat bahawa Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 juga tidak menawarkan perlindungan privasi mahupun secara umum ataupun khusus. Namun begitu, akta ini mungkin boleh terpakai dalam keadaan dimana seseorang individu mahu mendakwa para ibu bapa yang berkongsi gambar atau video anak-anak mereka yang tidak berpakaian dengan lengkap atau bogel di bawah Seksyen 233. Memandangkan frasa ‘tidak senonoh’ atau sewatu dengannya tidak didefinisikan di dalam akta ini, ia memberikan peluang kepada Mahkamah untuk melakukan interpretasi secara luas.

Di dalam kes *Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Anor* [1998] 4 MLJ 742, Hakim Mahkamah Tinggi menyebutkan bahawa setiap orang mempunyai pandangan berbeza-beza mengenai pendefinisian ‘tidak senonoh’. Tanggapan seseorang individu tentang apa yang ‘tidak senonoh’ bergantung kepada asuhan, yang termasuk nilai-nilai agama, budaya dan keluarga. Memandangkan terdapat kepelbagaian kaum, budaya dan agama di Malaysia, Parlimen telah melihat bahawa tidak semua perkara boleh diterima sebagai sesuatu yang ‘tidak senonoh’. Walaupun begitu, jika dikaitkan dengan

sharenting, jika ibu bapa berkongsi gambar anak-anak yang bogel sehingga boleh menarik perhatian penjenayah seperti pedofil maka sepatutnya perkongsian gambar tersebut termasuk didalam kategori 'tidak senonoh' dan boleh dikenakan dakwaan dibawah akta ini.

Kesimpulannya, walaupun Malaysia memandang serius isu pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak, namun, setakat ini, masih tiada lagi undang-undang khusus bagi mengawal privasi lebih-lebih lagi berkenaan isu sharenting, di mana pencerobohan privasi dilakukan oleh ibu bapa sendiri. Peruntukan dalam undang-undang sedia ada seperti Akta Kanak-Kanak, walaupun kelihatan agak komprehensif, ia hanya bermatlamat untuk perlindungan maklumat kanak-kanak daripada perlakuan jenayah dan kesalahan seksual secara umum. Begitu juga dengan Akta Kesalahan Seksual kanak-kanak dimana akta ini hanya bertumpu khusus kepada kesalahan seksual seperti pornografi, pengantunan dan amang seksual kanak-kanak. Seterusnya, Kanun Keseksaan pula hanya boleh diaplikasikan pada perlakuan jenayah sahaja dan jelas sekali sharenting tidak tergolong dalam kategori tersebut. Akhir sekali, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 pula secara implisit mungkin boleh digunakan

sebagai perlindungan daripada perbuatan sharenting, namun, terdapat masalah pada pendefinisian perkataan 'tidak senonoh' yang boleh ditakrifkan dengan berbeza-beza oleh setiap orang. Oleh itu, penting bahawa isu ini disemak dan penciptaan undang-undang baharu yang mengawal isu ini secara khusus perlu diwujudkan atau hanya melakukan sahaja penambahbaikan pada undang-undang yang sedia ada.

## KESIMPULAN

Berikut merupakan beberapa saranan bagi menangani isu sharenting secara umum. Pertama, perkara yang paling penting sekali adalah bermula dari ibu bapa. Ibu bapa perlu diberikan pendidikan berkenaan literasi digital dan media seperti perlindungan data peribadi dan privasi berkenaan dengan maklumat perkongsian lokasi semasa, penggunaan tetapan ciri-ciri keselamatan yang ada di media sosial dan sebagainya agar mereka lebih pintar dalam membuat pertimbangan tentang kandungan apa serta bagaimana untuk melakukan perkongsian di media sosial dengan lebih selamat terutama perkongsian berkaitan dengan anak-anak. Suatu kesedaran untuk menjaga hak privasi anak-anak perlu dimunculkan di dalam diri setiap ibu bapa kerana kanak-kanak berhak mendapatkan

perlindungan privasi terutama sekali daripada ibu bapa mereka sendiri.

Seterusnya, ibu bapa juga perlu membuat pertimbangan mengenai jenis kandungan maklumat yang mereka ingin kongsi berkenaan anak-anak mereka dalam talian. Ibu bapa perlu mengelakkan daripada berkongsi sebarang gambar mahupun video anak-anak dalam keadaan telanjang ataupun tidak berpakaian dengan sempurna kerana kandungan-kandungan tersebut merupakan target mudah buat penjenayah pedofilia ataupun mana-mana pihak yang berniat jahat keatas gambar-gambar ataupun video tersebut.

Buat ibu bapa yang sering ke media sosial bagi mendapatkan sokongan ataupun memberikan sokongan kepada ibu bapa lain berkenaan cabaran-cabaran membesarkan anak-anak ataupun berkenaan penyakit yang dihadapi anak-anak, mereka perlu mempraktikkan amalan melakukan perkongsian secara awanama. Perkongsian perlu dilakukan tanpa menjelaskan sebarang butir peribadi seperti nama, umur, gambar dan apa sahaja maklumat yang berkaitan anak-anak bagi melindungi jejak digital anak-anak.

Akta Kanak-kanak 2001 akan menjadi lebih komprehensif dalam perlindungan hak kanak-kanak jika ia menekankan lagi perlindungan terhadap

privasi kanak-kanak selain yang terkandung dalam seksyen 15 berkenaan laporan dan penyiaran media berkenaan kanak-kanak. Sebuah peruntukan yang lebih teliti berkenaan perlindungan terhadap penyalahgunaan maklumat peribadi perlu dimasukkan di dalam akta ini. Hak bagi mendapatkan perlindungan terhadap penyalahgunaan maklumat peribadi seharusnya diberikan kepada anak-anak jika sesuatu maklumat itu wajar dianggap sebagai sulit. Contoh yang baik adalah seperti perkara 9 Kanun Sivil Perancis yang memperuntukkan perlindungan terhadap kehidupan peribadi dan keluarga dengan menyatakan bahawa semua orang berhak dihormati dan sesiapa yang telah mendapati pihaknya dilanggar dibawah kanun ini boleh menuntut ganti rugi serta memohon agar pelanggaran tersebut dihentikan.

Kesimpulannya, privasi merupakan suatu perkara yang rumit. Malahan ia sudah menjadi suatu yang mencabar seawal tahap pendefinisian lagi. Ia juga merupakan suatu hak asasi yang mudah dicerobohi jika undang-undang tidak memberikan kawalan serta perlindungan ke atas hak privasi. Isu sharenting telah mendapat perhatian daripada pelbagai pihak kerana ia merupakan suatu perbuatan pencerobohan privasi yang dilakukan oleh ibu bapa terhadap anak-anak dan ia boleh

memberikan kesan jangka panjang dan pendek terhadap anak-anak jika ia dilakukan secara berlebihan tanpa kawalan. Penceroobohan privasi juga boleh menjurus kepada pelbagai kesan seperti mengancam keselamatan anak-anak dan juga mengganggu psikologi mereka.

Walaupun hak privasi kanak-kanak merupakan suatu hak yang dikenali di peringkat antarabangsa, aplikasinya di dalam sistem perundangan domestik masih lagi lemah kerana pemeliharaan privasi kanak-kanak sering dilihat sebagai tanggungjawab ibu bapa. Ibu bapa dianggap sebagai pengawal kepada privasi kanak-kanak. Namun, di dalam keadaan di mana sharenting berlaku, ibu bapa sendiri yang menceroobohi hak privasi kanak-kanak dengan berkongsi maklumat peribadi anak-anak mereka di dalam talian bagi tayangan umum. Terdapat ketidakseimbangan berlaku apabila diletakkan hak untuk bersuara ibu bapa dengan hak perlindungan privasi anak-anak secara bersebelahan.

Undang-undang Malaysia berkenaan privasi kanak-kanak juga perlu disemak semula. Peruntukkan spesifik berkenaan perlindungan hak privasi anak-anak daripada ibu bapa perlu dimasukkan samaada dalam undang-undang sedia ada seperti Akta Kanak-kanak 2001 ataupun pelanggaran privasi, termasuk privasi

kanak-kanak itu sendiri diiktiraf sebagai satu kausa tindakan di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abas, A. B. 2012. Child abuse in Malaysia: Legal measures for the prevention of the crime and protection of the victim. *International Journal of Social Sciences and Humanity Studies*, 4(2), 1-10. <https://dergipark.org.tr/en/pub/ijsshs/issue/26220/276044> diakses pada 16 Mei 2020.
- Ammari, T., Morris, M. R., & Schoenebeck, S. Y. 2014. Accessing Social Support and Overcoming Judgment on Social Media among Parents of Children with Special Needs. <https://www.semanticscholar.org/paper/Accessing-Social-Support-and-Overcoming-Judgment-on-Ammari-Schoenebeck/84557f62c39f69f35da5ceb982b60b1276503144> diakses pada 2 Mac 2020.
- Anis Shuhaiza, M. S., & Nor Azlina, M. N. 2019. Sharenting: Implikasinya dari Perspektif Perundangan Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia; Vol 31 No 1 (2019): Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia Jilid 31 Bil. 1 Januari 2019*.
- Arakerimath, A. R., & Gupta, P. K. 2015. Digital Footprint: Pros, Cons, and Future. *International Journal of Latest Technology in Engineering*, 4(10), 52-56. [https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/39569967/52-56.pdf?1446292743=&response-content-disposition=inline%3B+filename%3DDigital\\_Footprint\\_Pros\\_Cons\\_and\\_Future.pdf&Expires=1594924699&Signature=XMZ1MN8G47qRTYCvnCq8caGa~dmZ2C8ppiMDVFRGC8b2TD7jQkqBkbtDQd6t7ZpkPI0L9cgaSBu6DSyivUdjPA44X523-BSIBgkmKh18VmbCpJjjPrvtuUKSG3O15Ie7qOxZcxmUCGyYNTSvRrPEi6CNTwTMFQUd8rIL~DRE~mej4lmetMgs4mZz8VKvdIpKooJyYH-XvRDAOVn1ixeVnmWOqCZo8YpRjW2o8ExRGZrXIOIGQFVISu7tj5b7H85dpcbxPbZrYeT~3fYqk3UiC3hRbTnEhQTG~tI7w0A3MSldsI2AtDAQjQj0vTg49o04](https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/39569967/52-56.pdf?1446292743=&response-content-disposition=inline%3B+filename%3DDigital_Footprint_Pros_Cons_and_Future.pdf&Expires=1594924699&Signature=XMZ1MN8G47qRTYCvnCq8caGa~dmZ2C8ppiMDVFRGC8b2TD7jQkqBkbtDQd6t7ZpkPI0L9cgaSBu6DSyivUdjPA44X523-BSIBgkmKh18VmbCpJjjPrvtuUKSG3O15Ie7qOxZcxmUCGyYNTSvRrPEi6CNTwTMFQUd8rIL~DRE~mej4lmetMgs4mZz8VKvdIpKooJyYH-XvRDAOVn1ixeVnmWOqCZo8YpRjW2o8ExRGZrXIOIGQFVISu7tj5b7H85dpcbxPbZrYeT~3fYqk3UiC3hRbTnEhQTG~tI7w0A3MSldsI2AtDAQjQj0vTg49o04)

- CGrhYZ4sghACvTAhxdxA\_\_&Key-Pair-Id=APKAJLOHF5GGSLRBV4ZA. Diakses pada 10 Mei 2020.
- Ayub, Z. A., Yusoff, Z. M., & Haq, M. Z. 2020. Legal Framework on Protection of Children against Cyberbully in Malaysia: A Cause of Great Concern. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(8), 143-154.
- Blue, J., Condell, J., & Lunney, T. 2018. *Digital footprints: your unique identity*. Paper presented at the BCS, The Chartered Institute for IT (ACM Proceedings) 32nd Human Computer Interaction Conference. <https://pure.ulster.ac.uk/en/publications/digital-footprints-your-unique-identity>. Diakses pada 17 Julai 2020.
- Boyle, C. A., Boulet, S., Schieve, L. A., Cohen, R. A., et. Al. 2011. Trends in the prevalence of developmental disabilities in US children, 1997–2008. *Official Journal of the American Academy of Pediatrics*, 127(6), 1034-1042. [https://pdfs.semanticscholar.org/8785/0e20ea97c7c5374ceb5e842c2d2b38232292.pdf?\\_ga=2.50694817.900970653.1583887002-1934393858.1571649514](https://pdfs.semanticscholar.org/8785/0e20ea97c7c5374ceb5e842c2d2b38232292.pdf?_ga=2.50694817.900970653.1583887002-1934393858.1571649514) diakses pada 1 Mac 2020.
- Brosch, A. 2016. When the Child is Born into the Internet: Sharenting as a Growing Trend among Parents on Facebook. *The New Educational Review*, 43. <https://depot.ceon.pl/handle/123456789/9226>. Diakses pada 6 Mei 2020.
- Casemajor, N., Coutoure, S., Delfin, M., Goerzen, M., & Delfanti, A. (2015). Non-participation in digital media: toward a framework of mediated political action. *Journal of Media, Culture & Society*, 37(6), 850-866. doi:10.1177/0163443715584098. Diakses pada 3 Mei 2020.
- Clark, L. S. 2011. Parental Mediation Theory for the Digital Age. *Communication Theory*, 21(4), 323-343. doi:10.1111/j.1468-2885.2011.01391.x. Diakses pada 4 Mei 2020.
- Curtice, M. J. R., & Sandford, J. J. 2009. Article 8 of the Human Rights Act 1998: A Review of Case Law Related to Forensic Psychiatry and Prisoners in the United Kingdom. 37(2), 232-238. <https://europepmc.org/article/med/195355>
61. Diakses pada 7 Julai 2020.
- DeHoff, B. A., Staten, L. K., Rodgers, R. C., & Denne, S. C. 2016. The Role of Online Social Support in Supporting and Educating Parents of Young Children With Special Health Care Needs in the United States: A Scoping Review. 18(12), e333. doi:10.2196/jmir.6722. Diakses pada 2 Jun 2020.
- Donovan, S. 2020. 'Sharenting': The Forgotten Children of the GDPR. *Peace Human Rights Governance*, 4(1). <https://phrg.padovauniversitypress.it/2020/1/2>. Diakses pada 11 November 2019.
- Drew, S., & Save the Children, L. 2000. Children and the Human Rights Act 1998.
- Eke, H. N. J. W. 2012. Creating a digital footprint as a means of optimizing the personal branding of librarians in the digital society. 9(2), 31-40. [https://www.researchgate.net/publication/282507917\\_Creating\\_a\\_digital\\_footprint\\_as\\_a\\_means\\_of\\_optimizing\\_the\\_personal\\_branding\\_of\\_librarians\\_in\\_the\\_digital\\_society](https://www.researchgate.net/publication/282507917_Creating_a_digital_footprint_as_a_means_of_optimizing_the_personal_branding_of_librarians_in_the_digital_society). Diakses pada 4 Mei 2020.
- Faruqi, S. S. 2009. Human Rights International Law and Municipal Courts. In *presented at Judicial Colloquium on Human Rights, unpublished*. <http://www.suhakam.org.my/wp-content/uploads/2013/12/Human-Rights-International-Law-24.10.09.pdf>. Diakses pada 2 Februari 2020.
- Feinberg, T., & Robey, N. 2009. Cyberbullying: Intervention and prevention strategies. *National Association of School Psychologists*, 38(4), 22-24. [http://scholar.google.com.my/scholar\\_url?url=https://www.nasponline.org/assets/Documents/Resources%2520and%2520Publications/Handouts/General%2520Resources/15-1\\_S4-15.pdf&hl=en&sa=X&scisig=AAGBfm1r3ygzLCIB8e7bRz79-JX3IMSWWw&noss=1&oi=scholar](http://scholar.google.com.my/scholar_url?url=https://www.nasponline.org/assets/Documents/Resources%2520and%2520Publications/Handouts/General%2520Resources/15-1_S4-15.pdf&hl=en&sa=X&scisig=AAGBfm1r3ygzLCIB8e7bRz79-JX3IMSWWw&noss=1&oi=scholar). Diakses pada 29 November 2019.
- Gligorijević, J. 2019. Children's Privacy: The Role of Parental Control and Consent. *Human Rights Law Review*, 19(2), 201-229. Retrieved from: <https://academic.oup.com/hrlr/article/19/2/201/5522387>. Diakses pada 2 Mac 2020.
- Hoff, D. L., & Mitchell, S. N. 2009.

- Cyberbullying: Causes, effects, and remedies. *Journal of Educational Administration*, 47(5), 652-665. <https://www.emerald.com/insight/content/doi/10.1108/09578230910981107/full/html>. Diakses pada 4 Mei 2020.
- Kemp, S. Digital in 2020: Global Digital Overview - We Are Social. We Are Social. (2020). <https://wearesocial.com/digital-2020>. Diakses pada 28 Desember 2019.
- Kopecky, K., Sztokowski, R., Aznar-Díaz, I., Romero-Rodríguez, J.-M. J. C., & Review, Y. S. 2020. The phenomenon of sharenting and its risks in the online environment. Experiences from Czech Republic and Spain. 110, 104812. [https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0190740919309715?casa\\_token=oScJKvajtWMAAAAA:ISKvmC1dovP2\\_KUikeEdaleLC5\\_fPQ8e6NmQS3FYfu0b82Nf4wDVfh8biJHINc3l\\_PMMyx](https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0190740919309715?casa_token=oScJKvajtWMAAAAA:ISKvmC1dovP2_KUikeEdaleLC5_fPQ8e6NmQS3FYfu0b82Nf4wDVfh8biJHINc3l_PMMyx). Diakses pada 1 Mei 2020.
- LaValley, S. A., Gage-Bouchard, E. A., Mollica, M., & Beaupin, L. 2015. Examining social media use among parents of children with cancer. *Proceedings of the Association for Information Science Technology*, 52(1), 1-3. <https://asistdl.onlinelibrary.wiley.com/doi/full/10.1002/prat.2015.145052010089>. Diakses pada 10 Mei 2020.
- Leckart S 2012. "The Facebook-Free Baby; Are you a mom or dad who's guilty of 'oversharenting'? The cure may be to not share at all" <https://www.wsj.com/articles/SB10001424052702304451104577392041180138910> (Diakses pada: 22 February 2020).
- Lewis, B. K. Social media and strategic communication: Attitudes and perceptions among college students. *Public Relations Journal* 2010:4(3). Retrieved from: <https://pdfs.semanticscholar.org/5b93/fd889a850efb2ce1b143365a8d1f912c6cb4.pdf>. Diakses pada 25 Desember 2019.
- Livingstone, S. 2018. Children: a special case for privacy? *Intermedia*, 46(2), 18-23. <http://eprints.lse.ac.uk/89706/>. Diakses pada 10 Julai 2020.
- Lupton, D., Pedersen, S., & Thomas, G. M. J. S. C. (2016). Parenting and digital media: from the early web to contemporary digital society. 10(8), 730-743. <https://onlinelibrary.wiley.com/doi/abs/10.1111/soc4.12398>. Diakses pada 9 Januari 2020.
- Lutz, C., & Hoffman, C. P. 2017. The dark side of online participation: exploring non-, passive and negative participation. *Information, Communication & Society*, 20(6), 876-897. <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/1369118X.2017.1293129>. Diakses pada 15 Mei 2020.
- Mahmood, S. 2019. *The Anti-Data-Mining (ADM) Framework - Better Privacy on Online Social Networks and Beyond*. Paper presented at the 2019 IEEE International Conference on Big Data (Big Data). [https://ieeexplore.ieee.org/abstract/document/9006050/?casa\\_token=aW7gE\\_YhN2AAAAA:apaIMSzSINQAL8aEQmKieKonhCj6E5VkBhW9JbHNcKXlkhR60UdohEkYLtvoRuOOxChGveEbLw](https://ieeexplore.ieee.org/abstract/document/9006050/?casa_token=aW7gE_YhN2AAAAA:apaIMSzSINQAL8aEQmKieKonhCj6E5VkBhW9JbHNcKXlkhR60UdohEkYLtvoRuOOxChGveEbLw). Diakses pada 2 Februari 2020.
- Marasli, M., Suhendan, E., Yilmazturk, N. H., & Cok, F. 2016. Parents' shares on social networking sites about their children: Sharenting. *The Anthropologist*, 24(2), 399 – 406. Retrieved from: [http://krepublishers.com/02-Journals/T-Anth/Anth-24-0-000-16-Web/Anth-24-2-000-16-Abst-PDF/T-ANTH-24-2-399-16-1707-Er-Suhendan/T-ANTH-24-2-399-16-1707-Er-Suhendan-Tx\[1\].pdf](http://krepublishers.com/02-Journals/T-Anth/Anth-24-0-000-16-Web/Anth-24-2-000-16-Abst-PDF/T-ANTH-24-2-399-16-1707-Er-Suhendan/T-ANTH-24-2-399-16-1707-Er-Suhendan-Tx[1].pdf). Diakses pada 22 Februari 2020.
- Marwick, A. E., Diaz, D. M., & Palfrey, J. Youth, Privacy and Reputation: Literature Review. The Berkman Center for Internet & Society at Harvard University (2010). [https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=1588163](https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=1588163). Diakses pada 16 Mei 2020.
- Marwick, A. E., & Boyd, D. 2014. Networked privacy: How teenagers negotiate context in social media. 16(7), 1051-1067. doi:10.1177/1461444814543995. Diakses pada 16 Mei 2020.
- Minkus, T., Liu, K., & Ross, K. W. 2015. *Children Seen But Not Heard: When Parents Compromise Children's Online Privacy*. Paper presented at the Proceedings of the 24th International

- Conference on World Wide Web, Florence, Italy. <https://doi.org/10.1145/2736277.2741124>
- Mohd Sani, M. A., Ahmad, M. Z., & Wahid, R. 2016. Freedom of the Internet in Malaysia. *The Social Sciences*, 11(7), 1343-1349.
- Moon, R. Y., Mathews, A., Oden, R., & Carlin, R. 2019. Mothers' Perceptions of the Internet and Social Media as Sources of Parenting and Health Information: Qualitative Study. *Journal of medical Internet research*, 21(7), e14289. <https://doi.org/10.2196/14289>. Diakses pada 2 Februari 2020.
- Moser, C., Chen, T., & Schoenebeck, S. Y. (2017). *Parents? and Children?s Preferences about Parents Sharing about Children on Social Media*. Paper presented at the Proceedings of the 2017 CHI Conference on Human Factors in Computing Systems, Denver, Colorado, USA. <https://doi.org/10.1145/3025453.3025587>
- Nikolina, N. 2012. The Influence of International Law on the Issue of Co-Parenting: Emerging Trends in International and European Instruments. *Utrecht Law Review*, 8(1), 122-144.
- Olowu, D. 2008. Children's rights, international human rights and the promise of Islamic legal theory. *Law, Democracy & Development*, 12(2), 62-85. <https://www.ajol.info/index.php/idd/article/view/52894>. Diakses pada 16 Mei 2020.
- Osatuyi, B. 2013. Information sharing on social media sites. *Computers in Human Behavior*, 29(6), 2622-2631. Retrieved from: <https://doi.org/10.1016/j.chb.2013.07.001>. Diakses pada 25 Desember 2019.
- Park, D. 2018. Mining for Children's Data in Today's Digital World. *Journal of the National Association of Administrative Law Judiciary*, 38, 320. [https://heinonline.org/HOL/Page?handle=hein.journals/jnaa38&div=16&g\\_sent=1&casa\\_token=tQMqDAQYeA4AAAAA:k1YKhqPt4\\_irAMFOMRBgGLPatL45YyNGmUcrZJKeEXmckYsZ3v0iipypswM6SBRee09CGbQ&collection=journals](https://heinonline.org/HOL/Page?handle=hein.journals/jnaa38&div=16&g_sent=1&casa_token=tQMqDAQYeA4AAAAA:k1YKhqPt4_irAMFOMRBgGLPatL45YyNGmUcrZJKeEXmckYsZ3v0iipypswM6SBRee09CGbQ&collection=journals). Diakses pada 19 Oktober 2019.
- Pettigrew, S., Archer, C., & Harrigan, P. (2016). A thematic analysis of mothers' motivations for blogging. *Matern Child Health J*, 20(5), 1025-1031. doi:10.1007/s10995-015-1887-7. Diakses pada 19 November 2019.
- Plunkett, L. A. 2019. *Sharenthood: Why We Should Think before We Talk about Our Kids Online*: MIT Press.
- Putra, A. M., & Febrina, A. 2018. *Instagram and the Phenomena of Uploading Children's Photos in Social Media (a Phenomenology Study)*. Paper presented at the International Conference on Psychology and Communication 2018 (ICPC 2018). <https://www.atlantispress.com/proceedings/icpc-18/125914898>. Diakses pada 2 Oktober 2019.
- Rengel, A. 2014. Privacy as an International Human Right and the Right to Obscurity in Cyberspace. *Groningen Journal of International Law*, 2(2), 33-54. [https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?aabstract\\_id=2599271](https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?aabstract_id=2599271). Diakses pada 13 November 2020.
- Rodkin, P. C., & Fischer, K. 2012. Cyberbullying from Psychological and Legal Perspectives. *Missouri Law Review*, 77(3), 3. [https://heinonline.org/HOL/Page?handle=hein.journals/molr77&div=29&g\\_sent=1&casa\\_token=PsRvzQbTefcAAAAA:WxuLQMZBjXTVuNQGBFYHoAU33SAipejnIb0c4kf7yFNMnclfnycyhItwHow7tI735m5BsxSI](https://heinonline.org/HOL/Page?handle=hein.journals/molr77&div=29&g_sent=1&casa_token=PsRvzQbTefcAAAAA:WxuLQMZBjXTVuNQGBFYHoAU33SAipejnIb0c4kf7yFNMnclfnycyhItwHow7tI735m5BsxSI). Diakses pada 12 Januari 2020.
- Rouvroy, A., & Pouillet, Y. 2009. *The right to informational self-determination and the value of self-development: reassessing the importance of privacy for democracy*. Paper presented at the Reinventing Data Protection: Proceedings of the International Conference (Brussels, 12-13 October 2007). [https://link.springer.com/chapter/10.1007%2F978-1-4020-9498-9\\_2](https://link.springer.com/chapter/10.1007%2F978-1-4020-9498-9_2). Diakses pada 10 Februari 2020.
- Siibak, A., & Traks, K. 2019. The dark sides of sharenting. *Catalan Journal of Communication Cultural Studies*, 11(1), 115-121. <https://www.ingentaconnect.com/content/intellect/cjcs/2019/00000011/00000001/art00007>. Diakses pada 10 November 2020.
- Solove, D. J. 2002. Conceptualizing privacy. *California Law Review*, 90(4), 1087-1155.

- [https://heinonline.org/HOL/Page?handle=hein.journals/calr90&div=36&g\\_sent=1&casa\\_token=vqXs7QIEfHUAAAAA:0iDsQ6dBqmRH25xRJo44Z6NCTBacDRkIB6Xiy-3mlozGujDGYwLHf2nvoIkTlgGeSwJn52I](https://heinonline.org/HOL/Page?handle=hein.journals/calr90&div=36&g_sent=1&casa_token=vqXs7QIEfHUAAAAA:0iDsQ6dBqmRH25xRJo44Z6NCTBacDRkIB6Xiy-3mlozGujDGYwLHf2nvoIkTlgGeSwJn52I). Diakses pada 1 November 2019.
- Sorenson, S. 2016. Protecting Children's Right to Privacy in the Digital Age: Parents as Trustees of Children's Rights. *Children's Legal Rights Journal*, 36, 156. [https://heinonline.org/HOL/Page?handle=hein.journals/clrj36&div=22&g\\_sent=1&casa\\_token=pOvgxXRsvHAAAAAA:pZoz-9y2RMoxew6sJ0ZxTSrUkf61mzeY89pVdmDiorp3C95j39MTIpJobAol5WULueb9j6I](https://heinonline.org/HOL/Page?handle=hein.journals/clrj36&div=22&g_sent=1&casa_token=pOvgxXRsvHAAAAAA:pZoz-9y2RMoxew6sJ0ZxTSrUkf61mzeY89pVdmDiorp3C95j39MTIpJobAol5WULueb9j6I). Diakses pada 1 Mei 2020.
- Standley, K. 1990. Children and Privacy. *The Journal of Child Law*, 3, 7.
- [Jimi Love]. *Star Wars Kid*. Youtube, 15 January 2016. <https://www.youtube.com/watch?v=HPPj6viIBmU> diakses pada 16 Julai 2020.
- Steinberg, S. 2016. Sharenting: Children's privacy in the age of social media. *Emory Law Journal*, 66, 839. [https://heinonline.org/HOL/Page?handle=hein.journals/emlj66&div=27&g\\_sent=1&casa\\_token=cKuYk3pAxF8AAAAA:i7feZGZ-kY2fUVAIcrqYVgBEBrVn0JhJUPZPjni0gbwjhe84EH7qM1J9lqu8fZG3J-csEAs](https://heinonline.org/HOL/Page?handle=hein.journals/emlj66&div=27&g_sent=1&casa_token=cKuYk3pAxF8AAAAA:i7feZGZ-kY2fUVAIcrqYVgBEBrVn0JhJUPZPjni0gbwjhe84EH7qM1J9lqu8fZG3J-csEAs). Diakses pada 10 Mac 2020.
- Steinberg, S. 2018. Changing Faces: Morphed Child Pornography Images and the First Amendment. *Emory Law Journal*, 68, 909. [https://heinonline.org/HOL/Page?handle=hein.journals/emlj68&div=33&g\\_sent=1&casa\\_token=i85tAqTtqCoAAAAA:Eb5w\\_aZnfuuETSWKCMv3O3dHeK7o974Jx9JB\\_ZS3djLUiPA6UHIY0LU0ff5d37tYkxr\\_bM](https://heinonline.org/HOL/Page?handle=hein.journals/emlj68&div=33&g_sent=1&casa_token=i85tAqTtqCoAAAAA:Eb5w_aZnfuuETSWKCMv3O3dHeK7o974Jx9JB_ZS3djLUiPA6UHIY0LU0ff5d37tYkxr_bM). Diakses pada 12 Mac 2020.
- Taylor, Z. E., Conger, R. D., Robins, R. W., & Widaman. 2015. Parenting Practices and Perceived Social Support: Longitudinal Relations with the Social Competence of Mexican-origin Children. 3(4), 193. doi:10.1037/lat0000038. Diakses pada 20 Januari 2020.
- Thatcher, J. I. M. (2014). Living on Fumes: Digital Footprints, Data Fumes, and the Limitations of Spatial Big Data. *International Journal of Communication* (19328036), 8, 1765-1783. <https://ijoc.org/index.php/ijoc/article/view/2174>. Diakses pada 1 Mac 2020.
- UNICEF.2017. Discussion paper series: Children's rights and business In a digital world, privacy, protection of personal information and reputation. [https://www.unicef.org/csr/css/UNICEF\\_CRB\\_Digital\\_World\\_Series\\_PRIVACY.pdf](https://www.unicef.org/csr/css/UNICEF_CRB_Digital_World_Series_PRIVACY.pdf). Diakses pada: 25 Februari 2020.
- Warren, S. D., & Brandeis, L. D. 1890. The right to privacy. *Harvard Law Review*, 4(5), 193-220. [https://www.jstor.org/stable/1321160#metadata\\_info\\_tab\\_contents](https://www.jstor.org/stable/1321160#metadata_info_tab_contents). Diakses pada 10 Disember 2020.
- Whiting, A., & Williams, D. 2013. Why people use social media: a uses and gratifications approach. doi:10.1108/QMR-06-2013-0041. Diakses pada 2 Mac 2020.
- Amira Nur Diana Binti Amir Hamzah  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
Email: amiranurdiana@gmail.com
- Safinaz Mohd Hussein  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
Email: finaz@ukm.edu.my